

Akta pengasingan sisa pepejal bakal dikuat kuasa di Selangor

BH ONLINE | Rabu, 6 November 2019 | 2:47pm



Kesedaran pengasingan sisa pepejal dalam kalangan pemilik kediaman masih rendah walaupun pelbagai usaha sudah dijalankan. - Foto hiasan

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor sedang merangka enakmen yang akan mewajibkan pemilik kediaman mengasingkan sisa pepejal mengikut jenis.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian, berkata ketika ini draf enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam pada peringkat meminta pandangan pihak berkaitan.

“Hasrat ini sudah dimaklumkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memohon rundingan berhubung perkara ini.

“Pelaksanaan ini menyaksikan orang ramai perlu mengasingkan sisa pepejal mengikut jenis, iaitu bahan yang boleh dikitar semula, sisa baki dan sisa pukal di tempat berasingan, sementara menunggu hari kutipan yang ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini, hari ini ketika menjawab pertanyaan Chua Wei Kiat (PKR-Rawang) yang ingin tahu tarikh kerajaan negeri akan melaksanakan peraturan pengasingan sisa pepejal.

Wei Kiat juga bertanya isu yang menyebabkan program pelaksanaan pengasingan sisa pepejal kurang berkesan sebelum ini.

Loy Sian berkata, kesedaran pengasingan sisa pepejal dalam kalangan pemilik kediaman masih rendah walaupun pelbagai usaha sudah dijalankan.